



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyediakan perkhidmatan seperti berikut :

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Syarat	Tarikh Tutup Sebut Harga
1.	MAIPK/BTM/P/SH/486/2025	PEROLEHAN BAGI PERKHIDMATAN MERUNDING, MEREKABENTUK, MENGANALISA, MEMBANGUN, MENINTEGRASI, MENKONFIGURASI, MENGUJILARI, MELATIH, MENTAULIAH MODUL BAYARAN BAGI SISTEM DAN APLIKASI MAIPK BESTARI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)	Bumiputera Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Kod Bidang: 210103 dan 210104 Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia	Tarikh : 19/12/2025 Hari : Jumaat Jam : 12.00 PM

2. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang sijil) hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen Sebut Harga.

3. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membuat bayaran berjumlah **RM30.00 senaskah** kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak menerusi dua (2) saluran pembayaran seperti berikut:

(a) Pembayaran secara Tunai/ Cek/ Bank Draft/ Kad Kredit/ Kad Debit boleh dilaksanakan di Kaunter Kutipan di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak. Dokumen Sebut Harga akan diserahkan kepada pihak Syarikat / Wakil setelah pembayaran dilaksanakan.

(b) Pembayaran secara atas talian (Pindahan Dana Elektronik/ *IBG Transfer*) boleh dilaksanakan terus ke dalam akaun Bank Islam MAIPK (**08-013-0100-18870**). Maklumat pembayaran berserta Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan bersama-sama dengan **Nama Syarikat, Alamat Syarikat, Nombor Telefon Syarikat** dan **Alamat Emel Syarikat** hendaklah dikemukakan menerusi emel ke kewangan@maipk.gov.my. Dokumen Sebut Harga berserta Resit Rasmi akan diemel ke Alamat Emel Syarikat yang dinyatakan.

4. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bersaiz A4 dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Tingkat 1, Kaunter Hasil (Bayaran Zakat), Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak** sebelum atau pada hari **Jumaat, 19 Disember 2025 Jam 12.00 tengah hari**.

5. MAIPK tidak terikat kepada Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga.

6. MAIPK tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau pun masalah lain di pihak syarikat/ pembekal sekiranya tidak dapat mengemukakan dokumen Sebut Harga pada tempoh masa yang ditetapkan.

7. Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima oleh MAIPK tidak layak dipertimbangkan dan sebarang kesilapan dalam pengisian dokumen juga tidak akan dilayan.

8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

TARIKH DIKLANKAN : 10 DISEMBR 2025